

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Institut Pengurusan Kualiti
Sent: 07 Mac 2016 9:21
To: UUM - All Staff
Cc: Institut Pengurusan Kualiti; Prof. Madya Dr. Haim Hilman bin Abdullah
Subject: IPQ ANJUR SEMINAR MEMBINA DAYA SAING ORGANISASI UNTUK MENDEPANI ARUS GLOBALISASI



Institut Pengurusan Kualiti
INSTITUTE OF QUALITY MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia



07 MAC 2016 / 27 JAMADILAWAL 1437H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

**IPQ ANJUR SEMINAR MEMBINA DAYA SAING ORGANISASI UNTUK
MENDEPANI ARUS GLOBALISASI**



IPQ ONLINE: Institut Pengurusan Kualiti (IPQ) telah menganjurkan Seminar Membina Daya Saing Organisasi di Lost World Hotel, Tambun, Perak pada 03 Mac 2016.

Seminar ini telah memberi pendedahan kepada para peserta akan isu dan cabaran untuk menjadi seorang pemimpin dan warga kerja yang kompetitif, penjenamaan organisasi dan kepentingan ICT dalam membina daya saing kompetitif.

Pembentang kertas kerja pertama iaitu Dr. Noor Hasmini Abd Ghani telah mengupas isu, cabaran dan strategi membina jenama organisasi. Pembentang kertas kerja kedua iaitu Prof. Madya Dr. Haim Hilman Abdullah pula mengupas isu dan strategi untuk menjadi pemimpin berprestasi tinggi di semua peringkat pengurusan. Pembentang kertas kerja ketiga iaitu Dr. Mazni Omar mengupas isu berkaitan strategi berorientasikan ICT dalam membina sebuah universiti bertaraf dunia.

“Seminar ini banyak memberi input kepada saya. Tajuk bagi setiap slot juga amat menarik dan penceramah juga banyak berkongsi video-video yang bersesuaian dengan topik-topik kertas kerja yang mereka bentangkan”, ujar Cik Norzalida, salah seorang peserta seminar.

Seorang lagi peserta, En. Muhamed Nor Azman Nordin berkata, “seminar ini mampu membuka minda para peserta khususnya berkaitan cara membina kekuatan pasukan iaitu mampu mempertingkatkan mutu kerja dan juga organisasi”.

“Seminar ini berjaya menyedarkan diri saya bahawa insan biasa juga boleh menjadi seorang yang hebat jika kita berusaha bersungguh-sungguh dan pada masa yang sama berani menonjolkan bakat dan kelebihan diri yang mungkin selama ini terpendam. Seminar ini juga berjaya dalam mengenengahkan input-input baru berkenaan pengetahuan dalam bidang pemasaran dan juga ICT yang amat penting dalam tabdir urus organisasi hari ini”, ujar En. Hairil Azuin, salah seorang peserta seminar ketika diminta berkongsi pandangan.

IPQ merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan seminar ini dan diharapkan segala ilmu yang diperoleh dapat dimanfaatkan dalam meningkatkan prestasi kerja setiap peserta yang hadir.

=====

=====

DARIPADA:
INSTITUT PENGURUSAN KUALITI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 UUM SINTOK,
KEDAH DARUL AMAN

FOCUS.ACCURATE.SHARP.TIMELY
IPQ DRIVES UUM'S ENDLESS POTENTIALS

TEL. : 04 - 928 4651/55
FAKS :04 - 928 4660
E-MEL : ipq@uum.edu.my
<http://ipq.uum.edu.my>

